



Buletin Permata

Portal Sekolah: smkbtlima.edu.my
Emel: smkbtlima.ppdkmy@gmail.com
Tel:04-4680018 / Faks: 04-4680549

Unit LDP
SMK Batu 5

Keluaran Pertama
Januari 2016

Petikan penting surat siaran KPM Bahagian Pengurusan Sumber Manusia pada 30 September 2015 yang memberi penekanan keperluan memenuhi Latihan Tujuh (7) Hari Setahun bagi warga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelaksanaan LDP.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 1-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami: KPMSP.500 -6/8/4 (30)
Tarikh: 30 September 2015

EDARAN KEPADA SEMUA SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KEPERLUAN MEMENUHI LATIHAN TUJUH (7) HARI SETAHUN BAGI WARGA KERJA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang digariskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2005 telah menekankan keperluan semua warga kerja memenuhi **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari latihan**. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bersidang pada 10 September 2015 juga turut memberikan penekanan mengenai keperluan latihan dengan menetapkan bahawa ia menjadi sebahagian daripada KPI Ketua Jabatan/Bahagian. Keputusan juga diambil semasa Mesyuarat tersebut agar pemantauan berkala dilakukan. Mana-mana Jabatan/Bahagian yang tidak memenuhi syarat latihan akan diberikan Surat Tunjuk Sebab. **Pegawai yang tidak cukup latihan dan penyelia berkenaan akan dikenakan tindakan dengan mengurangkan jumlah markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing.**

3. Sehingga bulan Ogos 2015, adalah diperhatikan bahawa prestasi latihan warga KPM masih kurang membanggakan. Dalam keadaan ekonomi semasa, kerjasama semua Ketua Jabatan/Bahagian juga adalah dipohon untuk mengambil inisiatif bagi meningkatkan prestasi kehadiran latihan melalui pelaksanaan program seperti **sesi pementoran, pembacaan buku, perkongsian ilmu, EPSA dan lain-lain pendekatan secara blended training approach**. Semua bentuk latihan ini perlu **direkodkan** ke dalam Sistem Pengurusan Latihan (SPL) KPM selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014: Penggunaan Sistem Pengurusan Latihan (SPL) KPM yang telah berkuatkuasa pada 7 November 2014.



KAEDAH PENGIRAAN HARI BERKURSUS YANG DIGUNAKAN UNTUK PEREKODAN DI DALAM KAD PELAPORAN LATIHAN KPM

BIL	PROGRAM LATIHAN	JENIS AKTIVITI
1	Latihan <ul style="list-style-type: none"> - Tempoh latihan selama 6 jam secara bersemuka & berterusan dikira sebagai 1 hari berkursus. - Minima 2 hari setahun. - Tidak terhad. Kehadiran yang diambil kira hanya bagi kursus jangka pendek (kurang 3 bulan) 	<ul style="list-style-type: none"> - Kursus; - Seminar; - Konvensyen; - Bengkel / <i>Workshop</i>; - Forum; - Simposium; - Kolokium; dan - Lawatan Rasmi / Korporat / Sambil Belajar; dan - Klinik Kaunseling
2	Sesi Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> - 6 jam terkumpul = 1 hari berkursus. - Maksima 5 hari (bersamaan 30 jam terkumpul) sahaja setahun. 	<ul style="list-style-type: none"> - Sesi Pembelajaran PTK ; - Sesi Pembelajaran di peringkat Jabatan, Bahagian, Cawangan dan Seksyen; - Sesi Perkongsian ilmu di peringkat Jabatan, Bahagian, Cawangan dan Seksyen; - Program anjuran Bahagian Psikologi dan Kaunseling; - Program "<i>Executive Talk</i>" atau program serupa anjuran Kementerian/Jabatan, Bahagian, Cawangan dan Seksyen; - Perhimpunan Bulanan Kementerian/Jabatan, Bahagian dan Cawangan; - Program Penerapan Nilai-nilai Murni dan Ceramah-ceramah khas pada bulan Ramadhan; - Program Sambutan / Program khas – Sambutan Bulan-bulan Islam / Perayaan yang mengandungi ucapan / Ceramah / Forum; - Pertemuan <i>Mentor</i> dan <i>Mentee</i>; - Sesi Perbincangan / Perkongsian idea Pengurusan Tertinggi / Tetamu Jemputan Khas; - Pembentangan Kertas Kerja di Seminar, Konvensyen, Simposium, Persidangan; - Sesi Kaunseling Perkembangan; dan - Menyampaikan ceramah di dalam Kursus/Bengkel (modul yang pertama kali dibentangkan atas tajuk yang sama sahaja diambil kira)
3	Pembelajaran Kendiri <ul style="list-style-type: none"> - Pembacaan buku dan bahan ilmiah perlu dibentangkan di mana 1 pembentangan = 1 hari berkursus. - Maksima 3 hari setahun. - e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Pegawai yang berjaya menamatkan kursus akan diiktiraf telah menghadiri berkursus tertakluk kepada pengiraan 6 jam bersamaan 1 hari berkursus. 	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan portal e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) – www.epsa.intan.my; - Penggunaan Pangkalan Repositori Ilmu Sumber Manusia (PRISMA-HRMIS); - Pembacaan buku-buku ilmiah di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Buku biasa/bentuk fizikal atau <i>e-book</i>); dan - Pembacaan Jurnal Ilmiah/Laporan/Kajian dan lain-lain bahan ilmiah secara fizikal atau maya (<i>virtual</i>). Bahan yang ingin dibentangkan mendapat kelulusan Ketua Jabatan/Panel Khas di Bahagian/Jabatan.

Contoh Paparan Pelaporan LDP Individu yang telah memenuhi ketiga-tiga bahagian LDP: LATIHAN, SESI PEMBELAJARAN DAN PEMBELAJARAN KENDIRI.

Kod Sekolah	No KP/ Nama Peserta	Gred	LATIHAN	SESI PEMBELAJARAN	PEMBELAJARAN KENDIRI	JUMLAH HARI LDP	TAHAP
			Jum Hari Dihadiri	Jum Hari Dihadiri	Jum Hari Dihadiri		
KEA3112	700809-02-3451 AHMAD BIN ABD. HAMID		4.33 26 jam	8.67 52 jam	1.33 8 jam	14.33	>= 7H